



**1. PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN TINGKAT II
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 01**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Sains Perpustakaan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pembantu Perpustakaan Tingkat I dalam tanggungaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN TINGKAT II:

SECARA AM

1. Membantu kerja-kerja Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I.
2. Mengetuai satu cawangan atau menyelia beberapa unit kecil.
3. Terlibat secara langsung dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan perkhidmatan kepada orang ramai.
4. Mengendalikan penyusunan dan seterusnya penyebaran maklumat secara *on-line* (dengan menggunakan komputer).
5. Membantu Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I dalam usaha mengembangkan koleksi perpustakaan.
6. Mengendalikan promosi perpustakaan.